# PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU, KUALA TERENGGANU.

Bil. (23) dlm. PTG.TR. 13/66/1 JLD.2.

K.Terengganu: 9hb. Mac, 1983.
Bersamaan : 24hb. J'Awal, 1403.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Besut.
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Ulu Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 3/1983.

Pengenaan Sekatan Permohonan Tukar Syarat Bagi Tanah 3 Hektar.

Arahan ini adalah dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pemungut Hasil Tanah dalam Negeri Terengganu iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam Mesyuarat Kali Kedua Tahun 1983 bertarikh 20hb. Januari, 1983 bagi kertas Mesyuarat Bil. 104/83 telah membuat keputusan bahawa permohonan Tukar Syarat Tanah bagi tanah-tanah yang tidak melebihi daripada 3 hektr bolehlah diangkat bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan keputusan ini adalah berkuatkuasa mulai 1hb. Januari, 1983. Mengenai permohonan-permohonan yang diangkatkan sebelumnya yang ditolak, bolehlah diangkat semula untuk pertimbagan.

2. Yang demikian semua Pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil maklum dan mengikuti keputusan ini.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' LELA JASA)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat ,
Setiusaha Kerajaan,
TERENGGANU.

PTG.TR. 13/464.